



No. 319108

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

AKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR

No. RUJUKAN PENDAFTARAN : 357-01004089

TEMPOH : 18/10/2009 - 17/10/2012

Bahawa dengan ini diperakui syarikat:

MILLENNIUM FREIGHT (M) SDN BHD
LOT F1-45, BLOCK A
KLAS CARGO COMPLEX, SOUTHERN SUPPORT ZONE, KLIA
64000 SEPANG
SELANGOR

telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub-kepala berikut:

040100, 090100, 130100, 150100, 190102, 190203, 220105, 220202, 221103,
221104, 221105, 221106, 221109, 221601, 221608**

Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di sebelah.


Othman Bin Semail

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

29/09/2009

Bertarikh:



SYARAT-SYARAT KELULUSAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR

1. SYARAT-SYARAT

- 1.1 Kelulusan ini diberi berdasarkan maklumat-maklumat yang telah disampaikan oleh pihak syarikat tuan.
- 1.2 Sebarang perubahan ke atas maklumat-maklumat tersebut hendaklah dibuat secara "online" dalam masa 10 hari dari tarikh perubahan tersebut berlaku.
- 1.3 Syarikat hendaklah mengemukakan segala maklumat dalam tempoh yang ditetapkan apabila diminta oleh Kementerian Kewangan. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan tindakan seperti di para 1.5 di bawah.
- 1.4 Syarikat hendaklah memastikan bahawa bidang yang telah didaftarkan dalam sijil ini tidak bertindih dengan bidang yang telah diluluskan ke atas mana-mana syarikat yang mempunyai pemilik atau Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan yang sama.
- 1.5 Kementerian Kewangan berhak membatalkan/menggantungkan pendaftaran syarikat tuan tanpa apa-apa notis jika didapati maklumat yang diberi tidak benar.
- 1.6 Syarikat tidak dibenarkan membuat sebarang perubahan ke atas Pemilik dan Pengarah dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh syarikat didaftarkan.

2. PENGGANTUNGAN/PEMBATALAN PENDAFTARAN

- 2.1 Pendaftaran akan digantung/dibatalkan sekiranya didapati:
 - 2.1.1 Syarikat/pemilik/ahli kongsi/pengarah terlibat dalam sebarang kegiatan haram/ jenayah yang disabitkan dan didapati bersalah oleh mahkamah di Malaysia atau di luar negeri.
 - 2.1.2 Sekiranya syarikat menarik balik tawaran sebelum tender dipertimbangkan atau menolak setelah tawaran dibuat.
 - 2.1.3 Kegagalan syarikat melaksanakan kontrak-kontrak yang telah ditandatangani dengan Kerajaan.
 - 2.1.4 Meminda surat kelulusan ini dengan tujuan menipu atau lain-lain maksud.
 - 2.1.5 Membenarkan sijil pendaftaran disalahgunakan oleh individu/syarikat lain.
 - 2.1.6 Syarikat didapati membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain semasa memasuki tender Kerajaan.

3. PEMBAHARUAN

- 3.1 Syarikat tuan hendaklah mengemukakan permohonan pendaftaran tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran.
- 3.2 Permohonan yang diterima selepas tamat tempoh pendaftaran adalah dianggap sebagai pendaftaran semula.

4. PENYERTAAN TENDER/SEBUTHARGA

- 4.1 Sijil ini hendaklah ditunjukkan semasa mengambil dokumen tender/sebutharga di dalam kepala/sub-kepala (bidang) yang diluluskan sahaja.
- 4.2 Salinan sijil ini hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen tender/sebutharga.


5. HAK KERAJAAN

Kerajaan berhak mendapat Sijil Pendaftaran ini apabila pendaftaran syarikat digantung/dibatalkan.

No. Siri : 319108/BP198190
No. Fail : 357-01004089
Name Syarikat : MILLENNIUM FREIGHT (M) SDN BHD
Alamat : LOT F1-45, BLOCK A
KLAS CARGO COMPLEX, SOUTHERN SUPPORT ZONE, KLIA
64000 SEPANG
SELANGOR

Tarikh Tamat : 18/10/2009 - 17/10/2012

040100 ALAT PERHUBUNGAN
090100 PERALATAN / KELENGKAPAN PERUBATAN
130100 KELENGKAPAN/KEMUDAHAN AWAM
150100 SEMUA PERALATAN SUKATAN/UKURAN
190102 ALATGANTI DAN KELENGKAPAN PESAWAT
190203 ALATGANTI DAN KELENGKAPAN BOT/KAPAL
220105 ALAT KELENGKAPAN HOSPITAL/MAKMAL
220202 JENTERA BERAT/KENDERAAN/JENTERA
221103 AGEN PERKAPALAN
221104 PENGANGKUTAN LORI
221105 AGEN PENGHANTARAN
221106 PEMBUNGKUSAN
221109 PENGANGKUTAN MULTIMODAL TRANSPORT OPERATOR (MTO)
221601 SALVAGE BOAT/KAPAL
221608 SHIP CHANDLING





BP 198190

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

AKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA

No. RUJUKAN PENDAFTARAN : 357-01004089

TARIKH TAMAT PENGIKTIRAFAN : 17/10/2012

Bahawa dengan ini diperakui syarikat:

**MILLENNIUM FREIGHT (M) SDN BHD
LOT F1-45, BLOCK A
KLAS CARGO COMPLEX, SOUTHERN SUPPORT ZONE, KLIA
64000 SEPANG
SELANGOR**

telah diiktiraf sebagai Kontraktor Bumiputera oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan di sebelah.


OTHMAN BIN SEMAIL

**Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bertarikh: 29/09/2009**



SYARAT AKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BUMIPUTERA

1. Pihak Syarikat hendaklah sentiasa berusaha untuk memperbaiki kedudukan syarikat supaya:
 - 1.1 Kedudukan majoriti Bumiputera hendaklah sentiasa melebihi 51% di dalam pemilikan ekuiti, keahlian Lembaga Pengarah dan staf syarikat di peringkat pengurusan dan juga pekerja.
 - 1.2 Bagi Bidang Ajen Pengembara dan Percetakan kedudukan 100% Bumiputera hendaklah sentiasa dikekalkan dari segi ekuiti, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pengurusan Kewangan. Bagi pekerja pula hendaklah tidak kurang daripada 80% Bumiputera dan tiada penglibatan Bukan Warganegara.
 - 1.3 Secara majoriti Bumiputera memainkan peranan penting di dalam urusan syarikat, pengawasan perjalanan syarikat, pengurusan kewangan syarikat, membuat keputusan- keputusan penting dan mewakili syarikat di dalam mesyuarat-mesyuarat dan lain-lain urusan rasmi seumpamanya.

2. Sekiranya syarikat mengalami perubahan-perubahan di dalam syarat-syarat yang dinyatakan di atas, maka pihak Kementerian Kewangan hendaklah diberitahu dengan segera supaya pindaan dapat dibuat di dalam rekod pendaftaran. Kegagalan syarikat di dalam memberikan maklumat-maklumat tersebut boleh menimbulkan keraguan pihak Kementerian Kewangan terhadap ketulinan taraf Bumiputera syarikat.

3. Sekiranya Kementerian Kewangan mendapati syarikat telah menyeleweng daripada syarat-syarat yang ditentukan di atas, ataupun telah menyerahkan pengurusan syarikat dan kontrak yang diperolehi kepada pihak-pihak lain, maka pengiktirafan syarikat sebagai syarikat Bumiputera akan ditarik balik.

4. Kementerian Kewangan berhak mendapatkan semula Sijil Pengiktirafan Bumiputera jika sekiranya:
 - 4.1 Taraf Bumiputera syarikat dilucutkan atau ditarik balik.
 - 4.2 Pendaftaran syarikat digantung atau dibatalkan.
 - 4.3 Terdapat pindaan ke atas Sijil Akuan ini dengan tujuan menipu atau lain-lain maksud.